


*Murshidabad, tanah orang-orang Nawab*



Terbentang di kedua-dua belah Sungai Bhagirathi (Hooghly), cawangan sungai

Ganges yang utama, adalah daerah Murshidabad yang merupakan kedudukan kuasa orang-orang Muslim di kawasan Bengal selepas 1704. Kehebatan pemerintahan orang-orang Muslim masih ketara dilihat melalui muzium Hazar Duari (istana dengan ribuan pintu) di Imambara, masjid Katra dan sebilangan monumen. Kawasan ini dahulunya mashyur dengan dinasti Nawab (Wilayah gabenor-gabenor Muslim Moghol).

Walaubagaimanapun, sebahagian besarnya telah dilupakan dalam masa-masa yang terdekat ini. Dengan

kekayaan sejarah artisan dan pertanian yang maju, daerah ini menghasilkan pekerja-pekerja yang mahir di dalam perdagangan di sekitar India. Industri-industri Murshidabad termasuklah pengukiran gading dan juga sulaman perak dan emas, penenunan kain sutera dan kraftangan halus.

**Masalah:** Malangnya, kawasan ini juga dikenali dengan beberapa masalah termasuklah penyeludupan manusia, perhambaan kanak-kanak, kemiskinan yang teruk dan pembunuhan ahli-ahli



politik tempatan. Ia ketinggalan dengan pengaruh asing dan pembangunan yang telah terjadi di bahagian-bahagian lain di Bengal Barat.

Lebih kurang enam juta orang di daerah Murshidabad dan hampir 90% di antara orang-orang ini tinggal di kawasan perkampungan. Majoriti dari populasi di Barat Bengal beragama Hindu, 64% Muslim di Murshidabad (3.8 juta orang). Jumlah orang-orang Muslim di daerah Murshidabad menandingi seluruh populasi negara-negara seperti Albania dan Lebanon. Terdapat kurang dari

seorang pekerja sepenuh masa untuk setiap juta orang Muslim di daerah ini.

### **BAHAN-BAHAN DOA:**

- *Berdoalah bahawa Tuhan akan menyatakan diriNya kepada orang-orang Muslim Bengali yang muda dan tua di Murshidabad (Kisah Para Rasul 2:16-21).*
- *Berdoalah agar orang-orang percaya yang berlatarbelakangkan Muslim akan dipanggil,*

*diperlengkapi dan dimotivasikan untuk memberi kesaksian dan mengajar cara Kristus di dalam kesatuan dengan orang-orang lain yang percaya ( Matius 28:20).*

- *Semoga kemuliaan Mesias akan dinyatakan di tanah Dinasti Nawab.*

### **TUHAN AKTIF DI MURSHIDABAD**

Walaupun hanya terdapat segelintir orang-orang yang



percaya, kesaksian mereka telah membawa ramai orang Muslim kepada perubahan iman. Ramai orang yang percaya kini mengalami penyiksaan yang teruk di dalam kehidupan kampung, di mana tiada yang tersembunyi. Di dalam suatu pengembaraan, seorang yang percaya telah melawat sebuah keluarga Muslim Bengal yang dikenali melalui kenalannya. Keluarga ini menyatakan minat mereka kepada Injil itu dan membuat keputusan untuk mengikuti Mesias. Terdapat banyak keluarga seperti ini yang tinggal di kawasan itu tetapi ramai di antara mereka tidak

mempunyai kesempatan untuk mendengar Injil di dalam bahasa mereka sendiri.

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

